



## **KAJIAN KEBERKESANAN PROGRAM RUKUN TETANGGA DALAM MEMUPUK PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL**

**DISEDIAKAN OLEH:**

***KETUA PENYELIDIK***

**PROF. DR. MOHD TAIB BIN HJ. DORA**

***PENYELIDIK-PENYELIDIK***

**PROF. MADYA SYED SHAFEQ BIN SYED MANSOR**

**DR. RAJA ROSLAN BIN RAJA ABD RAHMAN**

**DR. IZ Aidin Bin Abdul Majid**

**NORLIAH BINTI KUDUS**

**ZAWIAH BINTI MAT**

**KERJASAMA:**

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)**

**DAN**

**JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL (JPNIN)**

**2007**

# **KAJIAN KEBERKESANAN PROGRAM RUKUN TETANGGA DALAM MEMUPUK PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL**

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan mengkaji tahap pengetahuan, persepsi dan penerimaan orang awam terhadap program-program yang dianjurkan dan dilaksanakan oleh Rukun Tetangga (RT). Ini merangkumi program-program dan aktiviti-aktiviti berkaitan sosial, pendidikan, sukan dan rekreasi, kesihatan dan alam sekitar, kebajikan, kesenian dan kebudayaan, ekonomi dan keselamatan awam. Beberapa analisa korelasi antara pelbagai angkuabah demografik para responden dengan tahap pengetahuan, persepsi dan penerimaan terhadap program-program tersebut juga turut dikaji. Secara ringkasnya, kajian ini bertujuan menjawab persoalan tentang sejauhmanakah keberkesanan RT dalam menganjur dan memupuk semangat perpaduan di kalangan anggota masyarakat. Ini dianggap sebagai bermanfaat dalam usaha mengenalpasti halatuju RT pada masa akan datang.

Kajian ini dilakukan di beberapa daerah terpilih dalam negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sampel kajian ini dipilih berdasarkan kepada wujudnya kepelbagaian ciri dalam masyarakat setempatnya yang relevan kepada keperluan kajian. Ini merangkumi kepelbagaian dari aspek bangsa serta bentuk-bentuk penempatan yang dilihat sebagai menjadi ancaman kepada perpaduan kaum. Selain itu, lokasi kajian ini adalah dikenalpasti sebagai kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk tertinggi di negara ini.

Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan, persepsi dan penerimaan orang ramai terhadap pelbagai program dan aktiviti yang dianjurkan dan dilaksanakan oleh RT secara umumnya adalah tinggi. Ini memberi petunjuk bahawa RT dalam banyak situasi telah agak berjaya dalam menganjur dan memupuk perpaduan nasional dan menyumbang kepada kesejahteraan rakyat.

## **ABSTRACT**

This research explores the level of knowledge, perception and acceptance amongst the public towards the programs organised and conducted by Rukun Tetangga (RT). This includes programs and activities which relate to social, education, sports and recreation, environmental and health, welfare, religion, arts and culture, economy and public safety. Some correlation analyses were also explored between the various demographic variables of the respondents and the level of knowledge, perception and acceptance towards these programs. Precisely, this research aims at addressing holistically and in-depth the question of how effective is RT in promoting and cultivating the spirit of national integration amongst the public. This is deemed beneficial in the pursuit of identifying the future direction of RT.

This research was conducted in several selected districts in the states of Selangor and the Federal Territory of Kuala Lumpur. Research samples were chosen based on the presence of the various characteristics that were relevant to the study. They include diversities in the forms of race, residential types which were perceived as contributing to threats on racial integration. In addition, the population under study was also identified as of the highest population density in the country.

The results revealed that the levels of knowledge, perception and acceptance of the public toward the various programs and activities organized and ran by RT in general are high. This indicates that the RT has in many ways been quite successful in promoting national integration and to some extent the wellbeing of the people.